

## **Hotel Avillion pilihan baharu pelancong di Cameron Highlands**



**PERSEKITARAN Avillion Hotel Cameron Highlands yang nyaman dan selesa menarik minat pengunjung bercuti di hotel tersebut.**

CAMERON HIGHLANDS - Kumpulan Hotel Avillion (Avillion) memperkenalkan rangkaian hotel kelimanya, Avillion Cameron Highlands sebagai pilihan terbaharu pengunjung untuk menginap sewaktu bercuti di kawasan tanah tinggi itu.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Avillion, Amirul Baharom (gambar kecil) berkata, hotel yang terletak di Tanah Rata di sini mula dibuka pada 16 Januari lalu.

Ia merupakan hotel kelima syarikat tersebut selepas Avillion Port Dickson, Avillion Admiral Cove, Avillion Legacy Melaka dan Avillion Villa Cinta Bali, Indonesia.

Jelasnya, Avillion Cameron Highlands menawarkan ruang bilik yang luas dan ditawarkan pada harga antara harga RM350 hingga RM800 semalam.

"Avillion Cameron Highlands menyediakan 100 buah bilik menerusi lima kategori penginapan iaitu Superior Studio, Deluxe Studio, 2 Bedroom Suite, Family Suite dan 2 Bedroom Premium Suite yang sesuai untuk keluarga, pasangan dan individu.

"Kami juga menyasarkan seramai 50,000 pengunjung menginap di Avillion Cameron Highlands sepanjang tahun ini.

"Dengan pekhidmatan yang ditawarkan, saya yakin sasaran ini mampu dicapai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas merasmikan majlis prapembukaan Avillion Cameron Highlands di sini baru-baru ini.

Menurut Amirul, lokasi hotel tersebut berupaya menarik ramai pengunjung berikutan ia terletak di lokasi strategik iaitu bangunan komersial Cameron Fair yang merupakan sebuah pusat beli-belah yang bakal dibuka tidak lama lagi.

Ujarnya, setakat ini, Avillion telah menjalankan promosi melalui agensi pelancongan di Singapura dan Taiwan untuk menarik pelancong dari negara tersebut untuk menginap di hotel berkenaan.

"Kami juga menawarkan perkhidmatan bilik mesyuarat yang boleh digunakan untuk pelbagai acara, taman permainan kanak-kanak, kafe dan gimnasium.

"Sempena pembukaan Avillion Cameron Highlands, kami memberi potongan harga sebanyak 50 peratus untuk setiap kategori bilik penginapan sehingga hujung bulan ini," katanya.